

Lemas asap sampah haram

Sinar 7/1/13 MS 17

5,000 penduduk kecewa tiga tahun tiada tindakan

NUR FARHANA ABDUL MANAN

BANGI – Bukan sahaja terpaksa menghidu bau busuk setiap hari, tetapi kira-kira 5,000 penduduk Taman Impian Putra di sini juga mengadu lemas dalam kepulan asap pembakaran sampah haram berdekatan perumahan mereka sejak tiga tahun lalu.

Pengerusi Persatuan Penduduk Taman Impian Putra, Roslee Abu berkata, tapak lapang seluas dua ekar di kawasan Bangi Lama dipenuhi longgokan pelbagai jenis sampah hampir satu kilometer di kiri dan kanan jalan di situ.

Menurutnya, terbaru penduduk bertambah marah apabila pihak tidak bertanggungjawab yang 'menjaga' tapak itu bertindak membakar sampah sehingga api pernah marak menjulang dalam kejadian lewat malam Khamis lalu.

"Perbuatan itu menyebabkan penduduk sesak nafas dan berlaku jerebu di kawasan menempatkan lebih 1,000 unit kediaman itu.

"Setiap hari 15 hingga 20 lori akan masuk ke kawasan lapang itu membuang sampah dan mereka dikenakan bayaran oleh penjaga tapak mengikut saiz lori antara RM30 hingga RM60," dakwanya.

Katanya, penduduk bertambah kesal apabila selepas meratakan sampah termasuk jenis domestik dan sisa kayu itu pihak tidak bertanggungjawab itu akan kembali membakar di kawasan berkenaan.



Kawasan tapak seluas dua ekar yang menjadi tempat pembuangan sampah haram.

"Jarak tapak itu dengan perumahan hanya 200 meter, penduduk mengadu mereka sering sesak nafas terutama ketika aktiviti pembakaran berlaku antara jam 5 petang hingga awal pagi.

"Saya sudah hubungi Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ) memaklumkan perkara ini supaya tindakan diambil terhadap pihak

bertanggungjawab," katanya.

Seorang lagi penduduk, Baharin Isa, 42, menggesa pihak berkuasa melakukan penguatkuasaan mengejut kerana dakwanya pihak yang menjaga tapak cepat menghidu kehadiran penguatkuasa MPKJ.

Katanya, Jabatan Bomba dan Penyelamat terpaksa dipanggil untuk me-

madamkan api yang menjulang tinggi dalam kejadian kebakaran yang berlaku malam Khamis lalu.

"Bila berlaku kejadian kebakaran seperti itu, penjaga tapak bertindak melarikan diri jadi pihak berkuasa sukar menangkap pihak yang bertanggungjawab melakukan perbuatan ini," katanya.

MPKj pernah keluarkan kompaun

BANGI - Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) telah pun melakukan pemantauan terhadap masalah pembuangan sampah haram dihadapi penduduk Taman Impian Putra yang didakwa berlaku sejak tiga tahun lalu.

Ahli MPKj, Mazwan Johar berkata, beliau menerima aduan itu tempat pembuangan sampah itu daripada penduduk dalam satu majlis dialog Oktober lalu.

Menurutnya, MPKj sudah beberapa kali meninjau kawasan berkenaan.

"Ia katanya, membabitkan banyak pihak termasuk Jabatan Alam Sekitar (JAS), Pejabat Tanah dan Daerah serta Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

"Kesemua agensi perlu menyelaraskan gerak kerja dalam usaha untuk membanteras aktiviti pembuangan dan pembakaran sampah secara terbuka di situ," katanya.

Ketika meninjau lokasi selepas kejadian MPKj katanya, pihaknya mendapati ada beberapa jentera berat yang tidak dapat dikenalpasti pemiliknya.

"Kita akan mengenal pasti siapa pemilik tapak ini kerana ia dipercayai mempunyai ramai pemilik berikutan tidak mempunyai pagar.

"Tindakan bukan tidak pernah diambil, MPKj pernah keluarkan kompaun kepada mereka yang membuang sampah di situ," katanya.

Pada masa sama Mazwan berkata, wujud kekhawatiran meletakkan anggota penguatkuasa ber-

terusan di situ untuk mengenal pasti siapa yang datang membuang sampah.

Katanya, apabila pihak penguatkuasaan datang pihak tidak bertanggungjawab itu akan menghentikan operasi.

"Kita sedang fikirkan langkah lebih efektif termasuk langkah pendek menutup laluan keluar masuk ke tapak terbabit.

"Cuma kita ingatkan sekiranya ditangkap membuang sampah, pihak berkenaan akan dikenakan kompaun dan dibawa ke mahkamah untuk tindakan susulan," katanya.

MAZWAN

